

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6A

RUANGAN : LOKAL

# Pengantin sewa ambulans swasta

**Gimik PPP rai majlis kahwin tidak babit harta kerajaan**

Oleh Siti A'isyah Sukaimi  
sitiaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Kesihatan menjelaskan ambulans yang digunakan sebagai gimik pada majlis perkahwinan yang videonya tular di laman sosial adalah disewa daripada pihak swasta.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, majlis berkenaan berlangsung di Kuantan, Pahang dan dua ambulans digunakan untuk membawa pengantin lelaki dan perempuan ke dewan

lokasi ia diadakan.

"Kementerian Kesihatan mendapati kedua-dua ambulans yang digunakan adalah milik swasta dan majlis itu bersifat peribadi bukan acara rasmi kementerian ini.

"Pihak pengantin menyewa ambulans itu. Pengantin lelaki adalah Penolong Pegawai Perubatan (PPP) yang baru selesai program penempatan wajib. Dalam gimik berkenaan, pengantin tiba dalam ambulans disewa.

"Pengantin lelaki bertindak sebagai PPP yang membawa pengantin perempuan dari ambulans sebelum menuju ke pentas persandingan," katanya dalam kenyataan.



VIDEO rakaman pasangan pengantin menggunakan ambulans dan memakai pakaian kerja tular di laman sosial.



Kenyataan itu bagi menjelaskan mengenai video tular berkenaan dengan tuduhan penyalahgunaan ambulans.

Beliau berkata, pengantin lelaki itu berhasrat mengabdikan kenangan perkahwinannya dengan menggunakan ambulans dan pakaian bertugas beliau.

"Hakikatnya, petugas ini bangga dalam tugas mereka dan menggunakan majlis perkahwinan untuk memamerkan perasaan ini dalam majlis bersejarah mereka.

"Kementerian Kesihatan berharap masyarakat terutama dalam media sosial tidak silap anggapan kerana ambulans digunakan bukan milik Kementerian Kesihatan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, majlis perkahwinan itu majlis persendirian petugas PPP terbabit dan berlangsung dengan cuti diluluskan.

"Kami mengucapkan selamat pengantin baharu kepada pasangan terbabit dan berharap masyarakat dan media sosial mendapat gambaran jelas fakta sebenar isu ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

# Premis makanan telah bersedia

**Penguatkuasaan larangan merokok bermula 1 Januari 2020**

KUALA LUMPUR

Tinggal dua hari lagi sebelum larangan merokok di premis makan terbuka bakal dikuatkuasa dengan tinjauan menunjukkan pelekat dan papan tanda larangan merokok telah dipasang di premis berkenaan.

Tinjauan *Bernama* di sekitar ibu kota selama tiga hari mengenai kesediaan premis perniagaan terhadap penguatkuasaan larangan itu di beberapa kawasan menjamu selera tumpuan ramai seperti restoran mamak dan medan selera rata-rata menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap larangan tersebut.

Pekerja restoran nasi kandar, Abdul Kareem Ismail, 32, berkata, papan tanda larangan merokok telah lama dilekatkan dan

pihaknya tidak mempunyai masalah dengan penguatkuasaan larangan merokok di premis mereka.

"Dekat sini, pelekat dan papan tanda memang sudah lama ada cuma tak ramai yang hiraukan. Baru-baru ini pun kami ada tambah dan besarkan pelekat larangan.

"Mungkin selepas ini mereka (perokok) akan guna meja yang diletakkan di luar dengan jarak yang telah ditetapkan," katanya yang bekerja di sebuah restoran nasi kandar di Ampang di sini.

Bagi Rahman Iskandar, 25, yang menjual makanan di sebuah medan selera di Cheras, beliau mengakui ada perubahan selepas peraturan larangan merokok di uar-uarakan sejak beberapa bulan lalu.

"Rasanya ramai yang sudah sedar dengan peraturan tersebut sebab ada pelanggan tetap yang datang, mereka akan merokok di luar, malah ada yang pergi hingga ke tempat parkir.

"Ada juga pelanggan terutama yang ada anak



Bermula 1 Januari 2020, penguatkuasaan terhadap larangan merokok di premis makan terbuka akan dilaksanakan sepenuhnya.

kecil sudah berani menegur perokok 'degil' agar tidak merokok di tempat makan," katanya.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasang papan tanda berkenaan di kebanyakan premis bangunan termasuk premis kerajaan.

"Kita banyak pasang

papan tanda tersebut di sekitar Kuala Lumpur, yang paling besar di beberapa lokasi termasuklah pada skrin besar di Dataran Merdeka dan di kawasan Bukit Bintang.

"Setakat ini kira-kira 3,000 notis dan poster telah dikeluarkan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL bersama Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan dan Putrajaya kepada premis makanan

terbuka di sekitar Kuala Lumpur yang telah kita edarkan mulai awal Januari lalu," katanya.

Nor Hisham menjangkakan seramai 200 anggota penguat kuasa akan menjalankan pemeriksaan ke atas sekitar 200 premis makanan berkenaan pada bulan pertama ia dikuatkuasakan nanti di sekitar ibu kota.

Menurutnya, tiada keperluan untuk tempoh pe-

nguatkuasaan itu dipanjangkan kerana tempoh yang lama telah diberi dan beliau menggesa perokok serta pengusaha atau pemilik premis makanan di Malaysia mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Bermula 1 Januari 2020, penguatkuasaan terhadap larangan merokok di premis makan terbuka di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) 2004 akan dilaksanakan sepenuhnya dengan notis perintah hadir ke mahkamah terhadap perokok akan dikeluarkan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye baru-baru ini berkata, mereka yang melakukan kesalahan itu akan dikenakan denda sebanyak RM250, namun boleh dikurangkan kepada RM150 jika denda itu dibayar dalam tempoh kurang daripada sebulan.

Kegagalan mematuhi peraturan berkenaan adalah suatu kesalahan yang boleh didakwa di mahkamah dan boleh didenda sehingga RM10,000 atau penjara dua tahun sekiranya sabit kesalahan. - *Bernama*